

Tindakan tegas terhadap pengacau

UM 14 NOV 2001

Oleh MOHD LAZIM ENDUT

KUALA TERENGGANU 13 Nov. — Kerajaan akan terus bertindak tegas terhadap mana-mana pihak yang cuba menggugat keamanan dan keselamatan negara sehingga menyebabkan teretusnya keadaan kacau bilau di kalangan masyarakat.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika memberi amaran ini menegaskan, kerajaan boleh menerima dari segi perbezaan fahaman politik, tetapi tidak akan kompromi dengan mereka yang cuba mengancam keselamatan negara.

“Saya ingin mengingatkan sekali lagi kepada mana-mana pihak, jangan sesekali menggunakan apa juga cara untuk menggugat keselamatan negara kerana kita t i d a k akan kompromi dalam hal ini.

“Kita boleh berbeza pendapat politik...bila sampai pilihan raya, Pas boleh letakkan calon, UMNO boleh letakkan calon, terserah kepada rakyat untuk menentukannya,” katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika berucap, merasmikan Bilik Gerakan Desa Wawasan (GDW) sempena program Kemas Bersama Rakyat (Kembara) di Kampung Teluk Paku, Gelugor Raja, Wakaf Mempelam di sini hari ini.

Pada majlis itu, Najib turut meminta para pemimpin Pas agar tidak lagi menyalahkan kerajaan dengan memutar belit cerita mengatakan tindakan membanteras golongan Al-Ma'unah dan kumpulan militan KMM sebagai sandiwara kerajaan Harisan Nasional (BN).

Beliau berkata, tindakan seperti itu yang hanya ingin dijadikan sebagai modal politik Pas boleh mengganggu lagi suasana dan akhirnya menggugat keselamatan dan keamanan negara.

Mohd. Najib berkata, kerajaan BN telah sedaya upaya untuk membangunkan sebuah negara Islam yang kuat dengan mengajak rakyat berjihad mengikut pengertian yang sebenarnya.

“Kita berjihad untuk membang-

unkan sebuah negara Islam yang kuat, bukan lemah. Kita mengajak mereka menuntut ilmu, membasmi kemiskinan, membangun umat, tetapi Pas telah menyeleweng konsep jihad dengan mengajak kita berbalah sesama sendiri.

“Kita perlu membina kekuatan kerana umat Islam yang lemah akhirnya akan menjadi seperti bola yang disepak ke sana ke sini oleh percaturan politik antarabangsa seperti berlaku di Afghanistan hari ini,” ujar beliau.

Najib berkata, Pas seharusnya akur dengan imej Malaysia yang kini telah menyerlah sebagai sebuah negara Islam ekoran pendirian tegas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

“Kerana kekuatan sebagai sebuah negara Islam inilah. Presiden Amerika Syarikat, George W. Bush yang menghormati Malaysia sanggup menelefon Perdana Menteri bagi meminta pandangannya,” jelas beliau.